

Jangan nak melebihi-lebih

■ Pengguna perlu bertenang, Islam tak memberatkan umat

Oleh Muhammad Saufi Hassan
saufi@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

“Umat Islam tidak perlu merasa ragu atau bimbang terhadap kesucian tubuh badan mereka dan tidak perlu mencuci darah, menyamak perut dan sebagainya kerana tindakan itu dianggap berlebih-lebih dalam sesuatu hal,” kata Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin.

Beliau mengulas dua produk keluaran syarikat Cadbury Confectionary (M) Sdn Bhd yang dikesan ‘tercemar’ mengandungi DNA Babi (Porcine), beberapa hari lalu.

“Umat Islam di negara ini kekal bertenang dan tidak berlebih-lebih dalam isu ini kerana Islam bukanlah agama yang terlalu rigid sehingga tiada tolak ansur jika berlaku musibah seperti ini.

“Islam adalah agama yang bersifat rahmah serta mudah dan tidak memberatkan

umatnya dalam keadaan tidak diketahui atau tidak sedari sehingga menyukarkan kehidupan seperti pencemaran DNA babi dalam produk makanan seumpama ini.

“Tidak perlu mencuci darah, menyamak perut dan mulut,” katanya dalam satu kenyataan akhbar, di sini, semalam.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebelum ini menggantung sijil pengesahan halal bagi kedua-dua produk berkenaan berkuat kuasa serta merta selepas sampel cokolat keluaran syarikat terbabit disahkan mengandungi DNA babi.

Dr Abdul Shukor berkata, umat Islam harus bertenang dan tidak bersikap terlalu emosional dalam memperkatakan isu terbabit serta mengelakkan daripada melakukan perkara melampau yang ditegah oleh Islam.

Beliau berkata, semua pihak sewajarnya memberi kepercayaan kepada pihak

FAKTA
Umat Islam tak perlu cuci darah, samak perut kerana dianggap berlebih-lebih dalam sesuatu hal



DR Abdul Shukor

berkuasa yang diamanahkan melaksanakan tugas dalam pengesahan halal haram sesuatu produk kerana pelbagai proses ditetapkan bagi memenuhi standard halal selaras dengan hukum syarak.

“Dalam isu DNA babi ini yang dikesan di dalam produk makanan, ia dikategorikan dalam keadaan umum ‘al-balwa’ iaitu keadaan musibah atau kesukaran yang berleluasa dan sukar untuk dielakkan,” katanya.